



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (98)  
Tarikh : 16 Mei 2015

## SIARAN MEDIA

### RM1,439,590,000 PERUNTUKAN PPR DI JOHOR

**JOHOR BAHRU, 16 MEI 2015-** YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada pagi ini merasmikan Majlis Perasmian Penyerahan Projek Perumahan Melana Indah, Johor Bahru kepada Kerajaan Negeri Johor dan seterusnya melancarkan projek PPR Sungai Melana II.

Projek bagi fasa I ini bermula pada 1 Oktober 2009 dan siap sepenuhnya dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 13 November 2014. Projek ini dibina di atas tanah seluas 18.773 ekar. Ianya merangkumi pembinaan sebanyak 1,170 unit rumah pangsa (3 Blok) berserta kemudahan asas melibatkan kos sebanyak RM147,741,100.00 . Projek Perumahan Rakyat ini turut menyediakan pelbagai kemudahan awam iaitu:-

- Tadika;
- Surau;
- dewan serbaguna;
- kedai 33 unit (11 unit bagi setiap blok);
- taman permainan kanak-kanak; dan
- kawasan lapang.

Sehingga kini, Negeri Johor menerima peruntukan sebanyak RM1,439,590,000 bagi membina projek-projek PPR. Projek-projek ini melibatkan lapan (8) buah projek PPR iaitu bersamaan dengan 8,728 unit rumah telah siap dibina; empat (4) projek iaitu sebanyak 2,917 unit yang masih dalam pelaksanaan; dan dua (2) buah projek PPR yang dalam perancangan iaitu sebanyak 900 unit bakal dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)